

PENJENAMAAN SEMULA MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR MELALUI
PENSTRUKTURAN ORGANISASI BERSESUAIAN DENGAN FUNGSI DAN
PERANANNYA

ZIHAN BINTI ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran & Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

DEDIKASI

Dia.... Yang memberi ilham....

Ku rakamkan sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih buat;

Insan-insan yang dihormati dan dikasihi,

Allahyarham ayahanda Haji Ismail Bin Abas, Bonda Hajah Rahimah Binti

Hussin, Bonda Hajah Maimunah Binti Riduan, Kekanda Hajah Roszita Binti

Ismail, Kekanda Noernani Snan, Kekanda Malek Sulaiman.

Insan-insan berbudi dan kusanjung tinggi,

Haji Ramlee Bin A. Rahman sekeluarga

Hajah Latipah Ijai dan Khairul Adha Sarjuni

terima kasih atas persaudaraan kalian.

Anakanda yang disayangi,

Muhammad Zikry Bin Mohamad & Zulfah Maisarah Binti Mohamad

Akhirnya ku tujukan khas buat,

Diriku,

Jiwaku,

Batinku,

Zahirku dan

Insan yang amat dikasihi, Haji Mohamad Bin Yacob

Atas segala dorongan, bantuan moral dan material, nasihat dan segalanya yang

tidak ternilai harganya bagiku

PENGHARGAAN

Syukur Ya Rahman Ya Rahim atas ruang yang dikurniakan

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Surah Ali 'Imran, 110)

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Sr Dr Mohd Nadzri bin Jaafar, penyelia yang memahami karenah pelajar dewasa ini. Memberi dorongan agar meneruskan usaha tatkala diri terasa ingin menyerah kalah. Sekalung Penghargaan buat KERAJAAN NEGERI JOHOR atas inisiatif pembangunan kerjaya ini, Dr Salfarina - penyelaras program Master LAD UTM SUKJ, pensyarah-pensyarah dan staf dari Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah UTM, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia), Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Johor, 24 adik-adik rakan seperjuangan di UTM. Syed Umar Bin Syed Abdul Rahman, dan semua yang terlibat menjebakkan diriku menjadi pelajar semula. Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor atas kerjasama yang diberi hingga terlahirnya penulisan ini. Untuk keluarga yang amat dikasihi dan insan yang disayangi, tiada kata dapat dizahirkan. Terima kasih atas segalanya. Pengorbanan kalian sukar dibalas. Segalanya daripada Dia....

ABSTRAK

Bertitik tolak daripada ucapan bajet 2016 YAB Menteri Besar Johor di Persidangan Dewan Negeri Johor pada 19 November 2016 yang menyatakan bahawa fungsi Waqf akan dibangunkan dan diuruskan secara professional untuk dijadikan sebagai instrumen baharu Ekonomi, Pendidikan dan Kebajikan jelas menunjukkan bahawa sudah sampai masa agensi terlibat melakukan anjakan paradigma dalam merealisasikan hasrat kerajaan. Kenyataan YAB Menteri Besar bahawa instrumen dan institusi ini dipinggirkan serta tidak dikembangkan secara optimum sepatutnya menyedarkan pihak terbabit agar bingkas bangkit menyahut cabaran dengan cara menunjukkan keberhasilan yang memberangsangkan. Penjenamaan semula Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Penstrukturan Organisasi bersesuaian dengan fungsi dan peranannya dilihat perlu dilaksanakan untuk memastikan ianya berupaya membina kapasiti dan mekanisme yang membolehkannya beroperasi secara berkesan dalam persekitaran yang meliputi pelbagai pihak yang berkepentingan. Ianya perlu diteliti dari sisi positif agar agensi ini tidak ketinggalan dalam menempuh cabaran yang memaksaperubahan dalam cara bekerja. Cara pengukuran keberkesanan agensi kerajaan dan sistem penyampaian awam harus diubahsuai agar selari dengan kehendak semasa. Pembolehkan kesediaan kepada penjenamaan, pengetahuan fungsi organisasi dan bidang tugas, komitmen, dorongan kerja serta pendirian terhadap penjenamaan semula dilaksanakan ke atas responden yang dikenal pasti terlibat atau berkait rapat dengan operasi organisasi yang dikaji. Daripada kajian soal selidik yang dijalankan, 90.6% responden percaya bahawa penjenamaan dan penstrukturan semula akan memudahkan kakitangan MAIJ lebih memahami bidang/skop tugas serta ianya akan menjelaskan lagi fungsi dan peranan organisasi. Seterusnya, turut dikemukakan cadangan penjenamaan yang difikirkan perlu dan patut dilaksanakan ke arah membudayakan kecemerlangan di organisasi berkenaan.

ABSTRACT

Based on the budget remarks in 2016 YAB Johor Chief Minister at the Conference Board of Negeri Johor on November 19, 2016, which states that the Waqf features will be developed and managed in a professional manner to serve as a new tool for the Economy , Education and Welfare has become clear that it was up to the institutions involved to make the transition paradigm in realizing the desire of the government. YAB Menteri Besar statement that the instruments and institutions have been marginalized and are not optimally developed terbabit parties need to stand up and meet the challenge by showing to an impressive success. Rebranding Johor State Islamic Council by Organization Structuring in accordance with the functions and roles should be carried out to build corset capacity and mechanisms that enable it to operate effectively in an environment that includes a wide range of interested parties' guarantees. The need to examine the positive side, so that the institution is not behind in taking the challenge to change the way work is left forced. How to measure the effectiveness of the government and the public provision should be amended to be consistent with the will of the time. Variable readiness for branding, knowledge of organizational functions and areas of duty, commitment, encouragement and attitudes towards rebranding work done by respondents that are involved or related to the operation of the organization identified studied. Research survey, 90.6% of respondents believe that the branding and restructuring will help the MAIJ staff to better understand the area/scope of the job and it will further explain the function and role of the organization. Furthermore, a proposed co-branding which deemed necessary was recommended and should be implemented towards cultivation of excellence in the organization.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL TESIS	1
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Kajian	10
	1.4 Skop Kajian	11
	1.5 Kepentingan Kajian	12

1.6	Susunatur Bab	15
1.6.1	Pendahuluan	15
1.6.2	Kajian Literatur	16
1.6.3	Zakat, Wakaf dan Baitulmal	16
1.6.4	Metodologi Kajian	17
1.6.5	Kajian Kes	17
1.6.6	Analisis Kajian	17
1.6.7	Kesimpulan dan Cadangan	18
1.7	Hala tuju Kajian	18
1.8	Rumusan	18
2	ORGANISASI, FUNGSI DAN BIDANG TUGAS, GUNA TENAGA DAN PENJENAMAAN SEMULA	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Organisasi	20
2.2.1	Definisi Organisasi	21
2.2.2	Teori Organisasi	22
2.2.3	Struktur Organisasi	24
2.2.4	Fungsi Dan Bidang Tugas	28
2.2.5	Matrik Fungsi Dengan Bidang Tugas	32
2.2.6	Hubungan Struktur Organisasi	33
2.3	Guna Tenaga	35
2.4	Penjenamaan Semula	36
2.4.1	Teori Dan Model Penjenamaan	36
2.4.2	Keperluan Kepada Penjenamaan Semula	39
2.4.3	Perubahan Organisasi, Struktur, Fungsi Dan Bidang Tugas Kesan Daripada Penjenamaan Semula	40
2.4.4	Kebaikan Penjenamaan Semula	41
2.4.5	Keburukan Penjenamaan Semula	41
2.4.6	Langkah Kerja Dalam Melaksanakan Penjenamaan Semula	46
2.4.7		
2.5	Rumusan	47

3	ZAKAT, WAKAF DAN BAITULMAL	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Sejarah Pengembangan Pusat Perbendaharaan Islam	50
3.3	Pelaksanaan Di Malaysia	53
3.4	Perbandingan Di Negara-Negara Lain	56
3.4.1	Pelaksanaan Di Indonesia	56
3.4.2	Pelaksanaan Di Turki	57
3.4.3	Pelaksanaan Di Singapura	60
3.4.4	Pelaksanaan Di Brunai	62
3.5	Rumusan	62
4	METODOLOGI KAJIAN	64
4.1	Pengenalan	64
4.2	Reka Bentuk Kajian	66
4.3	Peringkat Pertama : Kajian Awal	66
4.4	Peringkat Kedua : Kajian Literatur	68
4.5	Peringkat Ketiga : Kes Kajian dan Pengumpulan Data	68
4.5.1	Pengumpulan Data Primer	69
4.5.2	Pengumpulan Data Sekunder	73
4.6	Peringkat Keempat : Analisis Data	74
4.6.1	Analisis Deskriptif	75
4.6.2	Analisis Kandungan	76
4.6.3	Analisis Perbandingan	76
4.6.4	Analisis Skala Likert	77
4.7	Peringkat Kelima : Penemuan Kajian dan Rumusan.	78
4.8	Rumusan	79
5	KAJIAN KES	80
5.1	Pengenalan	80

5.2	Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Johor	82
5.3	Perbandingan Struktur Organisasi Antara Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor	85
5.3.1	Struktur Majlis Agama Islam Johor (MAIJ Operasi)	87
5.3.2	Struktur Jabatan Agama Islam Johor	88
5.4	Perbandingan Fungsi Majlis Agama Islam (MAIJ OPERASI) dengan Jabatan Agama Islam Johor	88
5.5	Perbandingan Visi dan Misi Majlis Agama Islam (MAIJ OPERASI) dengan Jabatan Agama Islam Johor	90
5.6	Perbandingan MAIJ Operasi dan Jabatan Agama Islam Johor	90
5.7	Rumusan	93
6	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	95
6.1	Pengenalan	95
6.2	Analisis Terhadap Soal Selidik Yang Telah Dijalankan	96
6.2.1	Senarai Responden Yang Di Soal Selidik	96
6.2.2	Pecahan Responden	98
6.2.3	Analisis Kefahaman Responden Terhadap Implikasi Penjenamaan Semula- Kesediaan Kepada Penjenamaan Dan Penstrukturan	99
6.2.4	Analisis Kefahaman Responden Terhadap Implikasi Penjenamaan Semula – Pengetahuan Kerja, Komitmen Dan Dorongan Kerja	103
6.2.5	Analisis Kefahaman Responden Terhadap Implikasi Penjenamaan Semula – Pendirian Terhadap Penjenamaan Semula	105
7	KESIMPULAN DAN CADANGAN	108
7.1	Pengenalan	108
7.2	Pencapaian - objektif	108

7.2.1	Pencapaian Objektif 1	109
7.2.2	Pencapaian Objektif 2	110
7.2.3	Pencapaian Objektif 3	112
7.3	Sumbangan daripada kajian ini.	118
7.4	Cadangan Kajian Lanjut	119
7.5	Rumusan	120
RUJUKAN		121
LAMPIRAN A1		128
LAMPIRAN A2		130
LAMPIRAN A3		132
LAMPIRAN A4		134
LAMPIRAN A4		133

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
4.1	Kumpulan Responden dan Bilangan Responden Yang Disasarkan Untuk Edaran Borang Soal Selidik	70
5.1	Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Agama Islam Johor 8484	
5.2	Perbandingan Struktur Organisasi Jabatan Agama Islam Johor Dan MAIJ Operasi melalui bahagian-bahagian dan unit	86
5.3	Perbandingan Fungsi Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) Dan MAIJ Operasi	89
5.4	Visi dan Misi Majlis Agama Islam Johor (Operasi) dan Jabatan Agama Islam Johor	90
6.1	Senarai Responden dan Status Borang Soal Selidik Yang Telah Diedarkan	97
6.2	Analisis Kefahaman Responden Terhadap Implikasi Penjenamaan Semula- Kesediaan Kepada Penjenamaan Dan Penstrukturan	100
6.3	Implikasi Penjenamaan Semula – Pengetahuan Kerja, Komitmen	103
6.4	Implikasi Penjenamaan Semula – Pendirian Terhadap Penjenamaan Semula	105
7.1	Perbandingan Fungsi Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) Dan MAIJ Operasi	109

SENARAI RAJAH


NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Ringkasan Kepentingan Kajian	13
2.1	Teori Pengorganisasian – Proses	23
2.2	Struktur Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor	28
2.3	Jenama Pengurusan Aset	37
4.1	Rangka Kajian	65
4.2	Skala Likert	77
5.1	Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Johor	82
5.2	Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Johor (MAIJ OPERASI)	85
5.3	Struktur Organisasi Jabatan Agama Islam Johor	86
6.1	Peratus Pecahan Agihan Borang Soal Selidik	98
6.2	Peratus Pecahan Borang Soal Selidik Yang Dipulangkan	99

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
CVI	-	Identiti Visual Korporat
DYAM	-	Duli Yang Amat Mulia
DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia
FELDA	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
JAIJ	-	Jabatan Agama Islam Johor
JAWHAR	-	Jabatan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji
KAFA	-	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KPE	-	Ketua Pegawai Eksekutif
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KTMB	-	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MAIJ	-	Majlis Agama Islam Johor
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
PIJ	-	Perbadanan Islam Johor
ROBI	-	Jenama sebuah syarikat komunikasi
SUK	-	Setiausaha Kerajaan
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UU	-	Undang-Undang
YAB	-	Yang Amat Berhormat
YB	-	Yang Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A1	Analisis Kefahaman Responden Terhadap Implikasi Penjenamaan Semula- Kesediaan Kepada Penjenamaan Dan Penstrukturan	128
A2	Analisis elemen kefahaman terhadap Implikasi Penjenamaan Semula– Pengetahuan Kerja, Komitmen Dan Dorongan Kerja	130
A3	Analisis elemen kefahaman terhadap Implikasi Penjenamaan Semula – Pendirian Terhadap Penjenamaan Semula	132
A4	Borang Soal Selidik	133



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sesebuah organisasi kerajaan merupakan satu jentera pentadbiran yang membawa kepada keupayaan dalam melaksanakan pentadbiran semasa yang mampu memberi faedah kepada pihak rakyat dan infrastruktur negara. Ianya mesti mempunyai sifat akauntabiliti, memudahcara dan cekap dalam menyampaikan kemudahan (Fransiskus R dan Paulus T, 2015). Disamping itu, ia perlu disokong oleh keupayaan tenaga kerja yang profesional, berkemahiran dan mempunyai keupayaan kepakaran dalam pelaksanaan kerja (Fang- Yi Lo dan Pao-Hung Fu, 2015). Sebagaimana kajian Arnaud P, Mary T, Elfi F dan Jessica (2014) sesebuah organisasi itu akan mencapai satu paras nama baik bila mana ianya dapat menepati 13 kriteria seperti pengurangan kos operasi, peningkatan kualiti perkhidmatan, peningkatan kecekapan keberkesanan produktiviti, akses kepada sumber luar, penyeragaman proses-proses, fokus kepada kecekapan dan kompetensi, keyakinan kepada inovasi, peningkatan orientasi pelanggan, kebolehcapaian terhadap perubahan dalam peringkat kawalan, maklumat pengurusan yang konsisten, peningkatan pemantauan terhadap peraturan dan undang-undang serta mengurangkan risiko.

Sesebuah organisasi juga terkesan dengan tindakbalas penstrukturan semula yang berpunca daripada isu penjenamaan. Berdasarkan kajian Jagdish N.S dan Mona S, (2015) pasaran pengoperasian dalam sosio ekonomi meningkatkan reputasi korporat dan ganjaran kewangan antara faktor ke arah penjenamaan semula didalam pencantuman pasaran. Antara sejarah penjenamaan semula terhadap organisasi yang telah berlaku di Eropah adalah Badan Keretapi Berlin pada tahun 1989 (Samuel M, 2015). Malah, di Malaysia penjenamaan semula organisasi-organisasi tertentu telah lama berlaku. Antaranya seperti Tenaga Nasional Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), TELEKOM Malaysia dan sebagainya.

Kajian mengenai penjenamaan perkhidmatan awam di Malaysia seperti USM, Majlis Amanah Rakyat (MARA), FELDA, kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan yang lainnya. Brymer, C (2004) dalam kajiannya mengatakan bahawa penjenamaan semula amat penting dalam memastikan kejayaan pasaran sesuatu jenamamenerusi beberapa kaedah. Antaranya ialah mencipta persepsi yang membantu dalam perniagaan, membina reputasi yang berkualiti, meningkatkan jualan, menyampaikan janji secara konsisten, meningkatkan kualiti produk dan proses organisasi, mengambil kira pengalaman dan jurang latar belakang pengguna dimana ianya amat perlu dilaksanakan bagi memastikan sesebuah organisasi dapat mengekalkan kedudukannya dalam pasaran. Oleh sebab kajian penjenamaan dalam perkhidmatan awamterutama yang menyentuh agensi keagamaan masih di peringkat awal, maka tidak ramai yang menghasilkan kajian mengenainya secara menyeluruh.

Apabila sesebuah organisasi atau syarikat cuba untuk mengubah persepsi yang telah sedia ada mengenai sesuatu jenama dalam minda pihak-pihak yang berkepentingan maka, proses tersebut mempunyai ciri-ciri yang boleh diterjemahkan sebagai satu proses penjenamaan semula (Muzellec dan Lambkin, 2006). Berdasarkan kajian Muzellec dan Lambkin menunjukkan bahawa keputusan untuk menjenamakan semula organisasi yang paling sering berlaku adalah mengakibatkan kepada perubahan struktur, terutamanya penggabungan dan pengambilalihan, yang mempunyai kesan asas kepada strategi identiti dan teras organisasi berkenaan. Mereka juga mencadangkan bahawa perubahan dalam estetika pemasaran kesan

kepada ekuiti jenama kurang daripada faktor-faktor yang lain seperti tingkah laku pekerja. Tindakan untuk menjenamakan sesebuah organisasi bagi menjadikannya lebih relevan dengan perubahan dan peredaran zaman sekarang boleh dikatakan sesuatu langkah yang bijak dan tepat agar organisasi tersebut berdaya saing dengan agensi atau jabatan yang lain.

Pada peringkat awal, penjenamaan semula organisasi dipraktikkan dan dipelopori oleh sektor perniagaan atau swasta tetapi kini ianya telah mula berkembang ke sektor-sektor yang lain seperti sektor kerajaan dan juga pendidikan terutama bagi institusi pengajian tinggi. Universiti-universiti di negara barat mempraktikkan penjenamaan semula organisasi sebagai satu cara bagi merealisasikan hasrat dan visi organisasinya. Chapleo (2005) telah menyatakan bahawa, amalan masa kini sesebuah universiti bukan hanya berperanan sebagai organisasi pendidikan atau tertumpu kepada akademik semata-mata tetapi berusaha gigih untuk menonjolkan peranan dan keunikannya yang berbeza dengan universiti yang lain agar lebih dikenali dan menjadi tumpuan untuk menuntut ilmu di universiti berkenaan. Hankinson (2000) pula menegaskan bahawa bagi memastikan institut pengajian tinggi mampu bersaing dalam dunia millineum ini, kekuatan jenamanya adalah sangat diperlukan sehingga boleh memuaskan hati pemegang saham dan pelanggannya.

Oleh itu, proses penjenamaan semula adalah penting bagi memastikan sesebuah organisasi akan sentiasa relevan dengan peredaran zaman. Penjenamaan semula organisasi pada mulanya diamalkan dalam sektor perniagaan tetapi kini telah mula berkembang ke sektor-sektor lain termasuklah agensi dan jabatan kerajaan yang menerapkan amalan penjenamaan semula dalam pengurusan organisasi mereka. Ianya merupakan salah satu strategi untuk memperkasakan sesebuah organisasi dimana ketua-ketua jabatan telah mula mempratikkan amalan ini. Menurut YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam ucapan beliau sempena Amanat Tahun Baru 2015 semasa Perhimpunan Kementerian bertarikh 13 Januari 2015 di Dewan Nur menegaskan bahawa telah sampai masanya Kementerian tersebut melaksanakan

penjenamaan semula organisasi dengan mengkaji semula dan menjajarkan sistem penyampaian supaya fungsi utamanya masih relevan untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran.

Menurut beliau, sejarah penubuhan kementerian tersebut sebagai agensi tunggal membekalkan perkhidmatan dan produk kebajikan berkait rapat peranan dan tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan mengambil kira bahawa KPWKM telah berusia lebih daripada 68 tahun dalam melaksanakan peranan sosialnya maka, terdapat banyak perubahan sosial dan cabaran yang memerlukan idea dan pendekatan baru untuk membekalkan perkhidmatan dan produk kebajikan. Oleh itu, beliau menyarankan agar penstrukturan semula organisasi perlu dilaksanakan agar KPWKM menjadi lebih fokus dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Bagi melaksanakan proses penjenamaan semula KPWKM, semua warga KPWKM dan agensi-agensi dibawah seliaannya dikehendaki mengenalpasti idea baru dan berfikir inovatif bagi memastikan organisasi tersebut terus relevan dan berkembang.

Langkah awal yang dilaksanakan adalah dengan mengkaji semula visi dan misi serta pelan hala tuju kementerian tersebut agar ianya sentiasa relevan dalam perubahan sosio-ekonomi. Pelan Transformasi 2015-2020 telah dirangka dan dijadikan asas kepada penjenamaan semula ke atas sistem penyampaian kementerian berkenaan. Penjenamaan semula organisasi turut berlaku di peringkat negeri. Contoh di Negeri Johor, sebelum tahun 2015 Jabatan Agama Islam Johor dan Majlis Agama Islam Johor adalah 2 entiti yang berbeza tetapi diperingkat pentadbiran ianya bergerak seiring kerana diterajui oleh seorang Ketua Jabatan dimana Pengarah Jabatan Agama Johor juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Johor. Oleh itu, segala keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Majlis Agama Islam Negeri Johor dipersetujui terus untuk pelaksanaannya oleh Jabatan Agama Islam Johor.

1.2 **Penyataan Masalah**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang diwujudkan bagi menggantikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bilangan 14 Tahun 1978 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran Agama Islam, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Negeri Johor dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun setelah semakan dan penelitian dibuat, didapati beberapa peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 tersebut dikatakan perlu dipinda semula bersesuaian dengan perkembangan pembangunan sosio ekonomi dan masyarakat Islam masa kini. Menurut YB Pengerusi Jawatankuasa Agama, Tuan Haji Abd. Mutalip semasa rundingan Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014 dibahaskan menyatakan bahawa cadangan pindaan enakmen ini adalah melalui Resolusi Multaqa Ulama dan Ilmuan Negeri Johor Darul Takzim kali Yang Kedua pada 27 Mac 2012 yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Tun Hussein Onn dan ianya telah diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim. Menerusi Kongres Majlis Agama Islam SeMalaysia juga cadangan pindaan tersebut dibuat untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai badan Agama Islam selaras dengan tarafnya iaitu Islam sebagai Agama Negeri Johor yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor serta seiring dengan kemajuan teknologi dan kepesatan pembangunan fizikal dan ekonomi hari ini.

Selain itu juga, pindaan enakmen bertujuan untuk memantapkan perjalanan pentadbiran dan pengurusan Agama Islam sejajar dengan keperluan semasa dan membolehkan Majlis Agama Islam berfungsi dengan kemas dan teratur agar ianya selaras dengan penambahbaikan yang dibuat. Menurutnya lagi, pengasingan pentadbiran pengurusan tertinggi di antara Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor dengan cadangan pelantikan seorang Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor yang berasingan dengan Pengarah

Jabatan Agama Islam Negeri Johor bertujuan supaya dapat menumpukan tugas sebagai pelaksana semua keputusan majlis secara tertumpu tanpa memberi perhatian kepada tugasannya yang lain sehingga boleh membantutkan perkembangan dan kemajuan Majlis dalam memainkan peranannya sebagai Pembuat Dasar Agama Islam Negeri Johor. Antara sebab lain yang membawa kepada cadangan pindaan enakmen adalah sebagaimana berikut;

- i. Tujuan pengasingan ini ialah untuk mengelakkan berlakunya percanggahan kepentingan.
- ii. Perkara ini juga telah diputuskan oleh Majlis atas nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor supaya pengasingan ini dilakukan dengan segera.
- iii. Tanggungjawab dan beban tugas Jabatan dan Majlis bertambah dan semakin mencabar.
- iv. Peruntukan tahunan yang perlu diurus oleh Majlis Agama Islam lebih daripada RM200 juta setahun manakala Jabatan Agama Islam pula sebanyak RM 160 juta setahun.
- v. Bilangan pegawai dan anggota Majlis seramai 350 orang manakala pegawai dan anggota Jabatan Agama Islam pula seramai 5,667 orang termasuk guru agama, guru KAFA dan guru Tadika Agama Johor.

Di Jabatan Agama Islam terdapat 9 bahagian sebagaimana berikut:

- a. Pengurusan Kewangan
- b. Undang-Undang Syariah
- c. Pendidikan
- d. Dakwah
- e. Penyelidikan
- f. Pengurusan Masjid
- g. Pembangunan Keluarga
- h. Penguatkuasaan
- i. Pendakwaan

Manakala, di Majlis pula terdapat 7 bahagian sebagaimana berikut:

- a. Pentadbiran dan Sumber
- b. Bahagian Kewangan
- c. Zakat
- d. Baitulmal
- e. Wakaf
- f. Penerbitan dan Perhubungan Awam
- g. Pembangunan

Selain itu juga, terdapat beberapa jawatankuasa di Majlis Agama Islam Johor iaitu:

- a. Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan
- b. Jawatankuasa Zakat
- c. Jawatankuasa Wakaf
- d. Jawatankuasa Baitulmal
- e. Jawatankuasa Pendidikan
- f. Jawatankuasa Tender
- g. Jawatankuasa Perundangan

Melihat kepada tanggungjawab tersebut, Majlis Agama Islam dikatakan perlu bersendirinya dimana terdapat keperluan pengurusan yang tersendiri untuk mengatur dan mengurus pentadbirannya agar dapat melaksanakan tugas khususnya dari segi membantu umat Islam terutamanya dalam bidang bantuan-bantuan dan sebagainya. Maka pada 12 November 2014, Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Islam Johor telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Johor dimana ianya telah membawa kepada perubahan dalam jentera pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Perubahan yang ketara terhadap organisasi adalah pemisahan ketua jabatan antara 2 jabatan tersebut yang sebelumnya diterajui oleh seorang individu yang sama dimana Pengarah Jabatan Agama Johor juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Johor. Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang telah

dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Johor tersebut membawa perubahan besar kepada pentadbiran Majlis Agama Islam Johor.

Enakmen ini dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Sekiranya disemak kertas penghujahan rang undang-undang tersebut yang dibawa oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama, terdapat 10 Fasal yang dikemukakan bagi tujuan pindaan Enakmen berkenaan dan 7 daripadanya merupakan penggantian perkataan Setiausaha kepada perkataan Ketua Pegawai Eksekutif. Walaupun, pindaan enakmen ini kebanyakannya hanya melibatkan pertukaran nama Setiausaha kepada Ketua Pegawai Eksekutif yang mungkin pada pandangan sesetengah pihak, ianya nampak kecil tetapi implikasinya amatlah besar kerana melibatkan ketua jabatan bagi agensi berkenaan dan kuasa yang diperuntukkan kepadanya. Pemisahan pentadbiran antara Jabatan Agama Islam Johor dan Majlis Agama Islam Johor selepas Enakmen Majlis Agama Islam ditambahbaik menyebabkan berlakunya kekeliruan dan pencanggahan pendapat mengenai fungsi dan peranan antara kedua-dua buah jabatan berkenaan.

Perkara mengenai fungsi dan peranan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) telah pun dibahaskan oleh Yang Berhormat Ahli Undangan Negeri Parit Yaani, Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan dan beliau mengatakan bahawa pengasingan tugas bagi ketua di kedua-dua jabatan tersebut perlu agar fokus boleh diberikan kepada hal ehwal jabatan masing-masing kerana Majlis dan Jabatan melaksanakan fungsi tugas yang berbeza.

Manakala, ADUN Bukit Permai, YB Encik Ali Mazat bin Salleh Bukit Permai pula menyatakan bahawa Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam merupakan sebuah jabatan yang begitu besar dimana terlalu banyak bahagian di bawahnya. Beliau turut menyenaraikan setiap bahagian yang terdapat di Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Oleh yang demikian beliau menegaskan bahawa pindaan enakmen perlu dibuat supaya perjalanan urusan Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam dapat dibuat dengan lebih lancar. Didalam

perbahasan hujah rang undang-undang enakmen tersebut, walaupun YB Bukit Permai menyatakan tentang fungsi, peranan dan menerangkan bahagian-bahagian yang berada di kedua-dua jabatan tersebut seolah-olah amat memahaminya tetapi sekiranya diteliti hujah beliau seterusnya yang meminta pihak Majlis Agama Islam Negeri untuk memberikan pengiktirafan kepada sekolah-sekolah tahfiz jelas menampakkan bahawa beliau juga sendiri sebenarnya keliru dan belum menjiwai fungsi kedua-dua jabatan tersebut.

Pokoknya, fungsi pendidikan bukanlah terletak dibawah Majlis Agama Islam Negeri dan YB tersebut juga tidak benar-benar menghayati apa yang diujahkan oleh beliau sendiri. Penyelidik juga terpanggil untuk melaksanakan kajian ini dengan memetik ucapan bajet Negeri Johor Darul Ta'zim 2016 oleh YAB Menteri Besar Johor yang meletakkan fungsi wakaf sebagai Instrumen Baharu Ekonomi, Pendidikan dan Kebajikan antara salah satu daripada enam teras yang akan menjadi keutamaan perancangan pembangunan inklusif Kerajaan Negeri.

YAB Menteri Besar Johor menyatakan bahawa; *“Peranan dan kapasiti Kerajaan dalam pelbagai projek yang melibatkan pelaburan kewangan adalah terhad. Oleh itu, kita mesti mencari naratif dan wahana baharu dalam membangunkan keberdayaan masyarakat. Jalan keluar terbaik adalah dengan menghakapayakan rakyat dan mengajak masyarakat mencurahkan amal dan bakti pada tanah air. Maka, wakaf akan menjadi instrumen penting dalam membangun ekonomi, membuka ruang pendidikan dan melebarkan sistem kebajikan Johor dan masyarakatnya. Keputusan ini adalah ekoran bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sistem dan institusi Wakaf mempunyai potensi yang sangat luar biasa. Tetapi selama ini, instrumen dan institusi ini dipinggirkan dan tidak dikembangkan secara optimum. Justeru, telah sampai masanya Wakaf dibangunkan dan diuruskan secara profesional.*

Ekoran itu, Kerajaan Negeri mengumumkan penubuhan Tabung Waqf Rakyat Johor yang diuruskan oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) yang akan dilantik sebagai

Nazir Khas Pembangunan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Daripada cabutan petikan ucapan YAB Menteri Besar yang dihitamkan di atas dan pelantikan Nazir Khas tersebut, adakah MAIJ dilihat tidak dapat menunjukkan keupayaan dan potensi untuk menguruskan serta menterjemahkan hal ehwal wakaf dengan baik?

Oleh itu, tiga persoalan di dalam kajian ini ialah:

- a. Apakah peranan urus tadbir yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor?
- b. Adakah perlu penjenamaan semula organisasi Majlis Agama Islam Negeri Johor dilaksanakan?
- c. Apakah bidang-bidang tugas dan fungsi guna tenaga Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam melaksanakan tugas-tugas urus tadbir zakat, wakaf dan baitulmal?

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti dan menganalisis peranan urus tadbir pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor.
- ii. Mengenalpasti keperluan proses penjenamaan semula organisasi Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam melaksanakan peranannya mengurus tadbir zakat, wakaf dan baitulmal di Negeri Johor.
- iii. Mencadangkan bidang tugas dan fungsi guna tenaga dalam mengurus tadbir zakat, wakaf dan baitulmal.

1.4 Skop Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini melibatkan keperluan penjenamaan semula organisasi Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mengenalpasti hubungkaitnya terhadap keberkesanan pentadbiran zakat, wakaf dan baitulmal di Negeri Johor. Kajian ini juga akan melihat guna tenaga di Jabatan Agama Johor ekoran pemisahan pentadbiran antara kedua-dua jabatan dan akibatnya terhadap sumber manusia di Majlis Agama Islam Johor itu sendiri. Untuk memastikan penyelidik dapat mencapai objektif yang digariskan bagi kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada perkara-perkara berikut:

1. Melihat struktur organisasi badan MAIJ yang akan dilabelkan selepas ini sebagai “MAIJ Eksekutif” mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014.
2. Mengkaji secara perbandingan struktur organisasi MAIJ yang melaksanakan fungsi zakat, wakaf dan baitulmal yang selepas ini akan dilabelkan sebagai MAIJ Operasi dengan struktur organisasi Jabatan Agama Islam Johor. Daripada maklumat struktur ini, penyelidik dapat melihat guna tenaga yang terdapat dan diperlukan dalam organisasi kedua-dua jabatan/agensi ini.
3. Melihat secara menyeluruh fungsi dan bidang tugas kedua-dua jabatan/agensi ini.

Selain itu, kajian ini juga mengambil kira aspek yang tidak kurang pentingnya iaitu penglibatan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang sedang melaksanakan dasar baru dalam perjawatan Perkhidmatan Awam iaitu Dasar Perkhidmatan Kejat dan Pelaksanaan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia secara optimum. Namun begitu, penyelidik akan hanya mengambil peranan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berlandaskan dasar-dasar melalui pekeliling-

pekeliling, surat-surat pekeliling dan surat-surat edaran yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan. Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus penerimaan kakitangan Majlis Agama Islam Johor dan Jabatan Agama Islam Johor terhadap penjenamaan semula MAIJ.

1.5 Kepentingan Kajian

Matlamat utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti pemisahan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor tidak akan menyebabkan gangguan terhadap operasi kedua-dua jabatan berkenaan. Kajian ini penting dalam memastikan kedua-dua jabatan dapat melaksanakan tanggungjawab dan fungsi jabatannya dengan jayanya sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan.

Kajian ini adalah penting kerana dapat memberi faedah dan manfaat terhadap beberapa perkara iaitu;

a) Fungsi jabatan


Kajian ini membantu dalam mengenalpasti fungsi sebenar jabatan. Pemisahan pentadbiran ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dan pencanggahan pendapat mengenai fungsi dan peranan kedua-dua jabatan berkenaan. Akibatnya, terdapat elemen pertindihan fungsi antara kedua jabatan akibat ketidakfahaman peranan dan misi jabatan-jabatan tersebut.

b) Dasar Baharu Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Dasar Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia secara optimum oleh kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah menghadkan pewujudan jawatan baru bagi semua kementerian, jabatan dan agensi. Oleh itu, jabatan perlulah mengenalpasti keperluan sumber manusia agar setiap pegawai yang dilantik benar-benar dioptimumkan bebanan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Transformasi Pengurusan Pembangunan Organisasi Agensi Kerajaan yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia lanjutan daripada arahan kerajaan agar pewujudan jawatan baru dibekukan dalam usaha untuk mengawal perbelanjaan mengurus telah mengariskan strategik mengejutkan struktur organisasi bagi mengurangkan hirarki pelaporan. Oleh itu, proses kerja di jabatan perlulah dikaji semula bagi memastikan sesuatu gerak kerja dapat dilaksanakan dalam tempoh yang pendek dan berkesan serta dapat memanfaatkan sumber tenaga dengan seoptimum mungkin.

Oleh itu, adalah menjadi hasrat penyelidik agar kajian yang dilaksanakan ini akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak berikut dalam pelaksanaan fungsi dan peranan mereka.



Rajah 1.1 Ringkasan Kepentingan Kajian

Sumber: Pandangan Penyelidik (2016)

i. Badan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ Eksekutif)

Diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan panduan kepada MAIJ Eksekutif bahawa dalam merangka dasar Agama Islam Negeri Johor hendaklah mengambil kira fungsi sebenar MAIJ Operasi dan juga mengetahui fungsi serta bidang tugas jabatan-jabatan lain di bawah pentadbiran negeri terutama jabatan yang boleh membantu dalam urusan pelaksanaan arahan dasar yang hendak dilaksanakan. Dari situ, diharapkan pelantikan ahli-ahli Badan MAIJ Eksekutif bolehlah dibuat mengikut kepakaran dan autoriti yang dimiliki oleh seseorang agar dasar yang hendak dibuat dapat mencapai matlamatnya. Bertitik tolak dengan itu, MAIJ Eksekutif pasti dapat melaksanakan tugasnya dengan sebaik mungkin sebagaimana asbab penubuhannya dalam enakmen untuk membantu dan menasihati DYMM Tuanku Sultan Johor dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

ii. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ Operasi)

Penyelidik berharap dengan adanya kajian ini,, ianya akan menjadikan Badan Berkanun Negeri ini iaitu MAIJ Operasi lebih fokus terhadap fungsi sebenarnya dan dapat melaksanakan dengan lebih berkesan. Oleh itu, MAIJ Operasi tidak akan bercelaru dalam hala tuju sebenar yang perlu dicapainya dalam bidang zakat, wakaf dan baitulmal.

iii. Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan jabatan kerajaan dibawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri. Jabatan ini merupakan jabatan pelaksana kepada arahan-arahan kerajaan melibatkan hal ehwal agama Islam. Maka, seharusnya tiada kecelaruan fungsi dan bidang tugas yang perlu dilaksanakan oleh jabatan ini kecuali selepas ketua jabatan ini tidak lagi berperanan sebagai Ketua Eksekutif MAIJ Operasi. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat membantu jabatan ini melaksanakan fungsinya tanpa dibayangi oleh fungsi MAIJ Operasi.

iv. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Penyelidik tidak melaksanakan kajian untuk pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia tetapi menghubungkan peranan jabatan ini sebagai pembuat dasar-dasar untuk Perkhidmatan Awam Malaysia yang mana ianya memberi kesan terhadap organisasi serta strukturnya termasuk jabatan atau agensi dibawah pentadbiran negeri. Oleh itu, peranan jabatan ini perlu dilibatkan dalam kajian sekiranya keputusan akhirnya melibatkan perubahan struktur kedua-dua jabatan atau agensi kerajaan ini.

1.6 Susunatur Bab

Secara umumnya, penulisan kajian ini mengandungi enam bab selaras dengan peringkat-peringkat pelaksanaannya. Setiap bab menerangkan kandungan yang berbeza. Rangka bab diterangkan seperti berikut:

1.6.1 Bab 1 : Pendahuluan

Bab ini mengandungi keterangan-keterangan secara am berkenaan dengan pengenalan kepada topik kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan susunatur bab.

1.6.2 Bab 2 : Kajian Literatur

Bab ini memberi ulasan dari aspek teori yang berkaitan dengan objektif kajian. Kajian literatur dibuat ke atas definisi pengorganisasian, fungsi dan bidang tugas, guna tenaga dan penjenamaan semula. Penyelidik juga melaksanakan kajian literatur dengan lebih terperinci mengenai organisasi, definisi organisasi, teori mengenainya, struktur organisasi, fungsi dan bidang tugas, matrik fungsi dengan bidang tugas, hubungan struktur organisasi dan guna tenaga. Seterusnya, kajian juga dibuat ke atas penjenamaan semula, teori dan model penjenamaan, keperluan kepada penjenamaan semula, perubahan organisasi, struktur, fungsi dan bidang tugas kesan daripada penjenamaan semula, kebaikan dan keburukan penjenamaan semula dan langkah kerja dalam melaksanakan penjenamaan semula. Akhirnya, penyelidik akan membuat rumusan terhadap kajian literatur yang telah diselidik. Sumber-sumber untuk menyempurnakan kajian literatur diperolehi daripada jurnal, internet, artikel, buku rujukan, kenyataan akhbar, teks ucapan, majalah, kertas 'Verbatim', cabutan minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, enakmen dan sebagainya.

1.6.3 Bab 3 : Zakat, Wakaf dan Baitulmal

Penyelidik memperjelaskan mengenai maksud Zakat, Wakaf dan Baitulmal iaitu bidang tugas serta fungsi tugas utama bagi agensi atau jabatan yang dijadikan kajian kes bagi penyelidikan ini. Seterusnya, menerangkan pelaksanaan fungsi ini di Malaysia dan selaras dengan itu mengambil beberapa contoh agensi atau jabatan yang sama melaksanakan tugas tersebut dinegara luar secara perbandingan. Dalam bab ini, penyelidik telah memilih untuk membuat perbandingan pelaksanaan di Malaysia dengan Negara Indonesia, Singapura, Brunai dan akhirnya Negara Turki yang sedang dijadikan contoh perbandingan oleh Negeri Johor.

1.6.4 Bab 4 : Metodologi Kajian

Metodologi kajian membincangkan kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian dengan berkesan. Metodologi yang telah digunakan bermula dari kajian literatur yang disusuli pula dengan temubual bersama anggota dan pegawai di Majlis Agama Islam Negeri Johor. Selain itu, penulis juga melaksanakan temubual dengan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Johor. Contohnya dengan wakil pembuat dasar, Lembaga Majlis Agama Islam Negeri Johor dan pihak pengurusan tertinggi MAINJ dan Jabatan Agama Islam Johor. Pengumpulan data bagi fasa ini adalah sangat penting kerana setiap data yang diperolehi akan mempengaruhi keputusan akhir kajian ini.

1.6.5 Bab 5 : Kajian Kes

Kajian bagi kes ini melibatkan struktur organisasi Majlis Agama Islam Negeri Johor dan fungsi-fungsi tugas yang dilaksanakan oleh jabatan berkenaan. Melalui bab ini, fungsi-fungsi jabatan akan diperjelaskan dengan lebih terperinci sehingga dapat ditentukan keperluan sumber manusia di jabatan berkenaan.

1.6.6 Bab 6 : Analisis Kajian

Analisa daripada data-data primer dan sekunder yang diperolehi akan perhalusi di dalam bab ini. Penemuan daripada analisa tersebut akan dibentangkan.

1.6.7 Bab 7 : Kesimpulan dan Cadangan

Bab Ketujuh adalah bab terakhir dalam penulisan kajian ini. Hasil analisis yang merupakan penemuan dan juga penyelesaian bagi kajian ini akan dirumuskan dalam bab ini. Selanjutnya, limitasi kajian dan cadangan bagi kajian lanjutan akan turut disyorkan dalam bab terakhir ini.

1.7 Hala tuju Kajian

Penyelidik melihat sudah sampai masanya sebuah agensi berlandaskan agama Islam membuat anjakan paradigma ke arah perkhidmatan awam yang terulung dalam memainkan fungsi dan peranan organisasi diwujudkan. Hala tuju kajian ini akan dibentangkan kepada Badan Majlis Agama Islam Johor bagi tujuan penambahbaikan sistem pentadbiran dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem penyampaian agensi ini.

1.8 Rumusan

Berdasarkan penerangan isu yang telah dikupas diyakini terdapat keperluan untuk kajian ini dijalankan memandangkan terdapat kecelaruan dan salah tafsir tentang fungsi dan peranan antara MAIJ Operasi dan Jabatan Agama Islam Johor yang boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan tanggungjawab kedua-dua jabatan ini dengan lancar. Perkongsian maklumat dan pengalaman dari ahli MAIJ Eksekutif, Pegawai-pegawai di kedua-dua jabatan dijadikan input dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak, 1995. Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdullah Sanusi Ahmad (1980). Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Aziz bin Zakaria (1978). Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Adi Satria (2014). *Penjenamaan Semula Bukan Sekadar Logo*. Utusan Melayu. Retrieved on 27 April 2016 from http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140112/ek_09/Penjenamaa nsemulabukansekadarlogo Utusan Melayu (M) Bhd.
- Anon. 1992. *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*. Ulang cetak. Bayrut: Dar al Masyrik.
- Armstrong, M. 2000. *Strategic human resource management: A guide to action*, Ed. ke-2. London: Kogan Page Limited.
- Arnaud Paagman, Mary Tate, Elfi Furtmueller dan Jassica de Bloom (2014), *An integrative literature review and empirical validation of motives for introducing shared services in government organizations*, International Journal of Information Management 35(2015)110-123

- Asnoff, H. Igor. *Implanting Strategic Management* (Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall International, 1984).
- Bahaeddin Yediyildiz. 1996a. The habitable town and the Turkish waqf system. *Kertas Kerja HABITAT II*, United Nation.
- Baharudin Sayin. et, al 2006, *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*, Ampang Press.
- Baharudin Sayin. et, al 2006, *Pengenalan Pengurusan Wakaf Di Malaysia*. Pusat Penerbitan (UPENA), UiTM 2006, Straits Digital Sdn. Bhd.
- Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal.nad.go.id>, 22 Julai 2011
- Chen, L.Y. 2004. Examining the effect of organizations culture and leadership behaviors on organization commitment, job satisfactions and job performance at small and middle-sized firma of Taiwan. *The Journal of American Academy of Business*. September:432-438
- Chua , Y.P.(2014). *Kaedah Penyelidikan*. Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 (Edisi Ketiga). Shah Alam: McGraw-Hill Education
- Dacin, Peter A., Smith, Daniel C (2003). “*The Effect Of Brand Portfolio Characteristics On Consumer Evaluations Of Brand Extension*”. *Journal of Marketing Research*. Vol. 31. No. 2, pp.229
- Dato' Mohamed Khaled Nordin (2015), *Inklusif, Lestari Dan Sejahtera Untuk Johor, Teks Ucapan Bajet Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2016*, Persidangan Dewan Negeri Johor, 19 November 2015
- Dato' Mohamed Khaled Nordin (2016), *Teks Ucapan Amanat Tahun Baru 2016*

Dato' Mohamed Khaled Nordin (2016), *Suara Hati Johor*. Kota Iskandar. Unit Media Dan Komunikasi. ISBN 978-983-43672-1-3

Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015), *Teks Ucapan Amanat Tahun 2015 – Penjenamaan Semula Bagi Menyempurnakan Sistem Penyampaian Untuk Membela Nasib Kumpulan Sasar di Perhimpunan Kementerian pada 13 Januari 2015*.

Davis, S.M. (2002a). *Brand Asset Management: Driving Profitable Growths through Your Brands*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.

Fang- Yi Lo dan Pao-Hung Fu (2015), *The interaction of chief executive officer and top management team on organization performance*, Journal of Business Research 69 (2016) 2182-2186

Fransiskus Randa dan Paulus Tangke (2015), *Developing Accountability Model of Local Government Organization : From Managerial Accountability To Public Accountability (Naturalistic Study on Local Government Tana Toraja)*, Procedia Social and Behavioral Sciences 211 (2015) 665-672

Frost, PeterJ., Larry F. Moore, Meryl Reis Louis, Craig C. Lundberg, dan Joanne Martin (ed.). *Organizational Culture* (Beverly Hills), Calif.: Sage Publications, 1985

Hatch, M. Dan Schultz, M. (2003). "Bringing the corporation into corporate branding," *Harvard Business Review*, February, 128-35.

Harris, F. Dan de Chernatony, L. (2001). "Corporate branding and corporate brand performance". *European Journal of Marketing*, 35, 441-57.

INTAN (1998). *Perintah-perintah Am dan Arahan Pentadbiran*. Kuala Lumpur. International Law Book Services.

INTAN (2006). *Pentadbiran Dan Pengurusan Awam Malaysia*. Kuala Lumpur.

Jaafar Muhamad, 1992, *Asas Pengurusan*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti.

Jackson, John H., dan Cyril P.Morgan. *Organization Theory*, Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, 1982.

Jagdish N. Sheth dan Mona Sinha (2015), *B2B branding in emerging markets: A sustainability perspective*, *Industrial Marketing Management* 51 (2015) 79-88

Apa itu Gagasan Johor Berkemajuan (2016, 26 Feb-10 Mac), *Jauhar*, m/s 9,8,11

Jurutulis Dewan Negeri Johor (2014), Verbatim Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor)(Pindaan) 2014, 12 November 2014

John Robert Barnes, *An Introduction to Religious Foundations in the Ottoman Empire*, E.J.Brill, 1986.

Kaikati, J.G., Kaikati, A.M. (2003). “*A rose by another name: Rebranding campaigns that work*”. *Journal of Business Strategy*, 24 (6), 17-23.

Kamus Dewan. 2007. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Keith Davis, *Human Behavior at work*. New York: McGraw-Hill Book Company, 1985)

Kerajaan Johor (2003), *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003*.

Khor Yoke Lim, Ramli Mohamed, Azeman Ariffin dan Gerald Goh, 2009, *Branding an airline: a case study of AirAsia di dalam Jurnal Pengajian*

Media Malaysia (sebuah penerbitan Universiti Malaya), Vol 11. No 1 (pp35-47)

Koontz, Harold. *Management: A Book of Readings*, edisi ke-5. New York: McGraw-Hill Book Company, 1980.

Lenka Mikacova dan Petra Gavlakova (2014), *The Role of Public Relations in Branding*, *Procedia Social and Behavioral Sciences*, Volume 110, Pages 832-840.

Lomax, W. Dan Mador, M. (2006). "Corporate re-branding: from normative models to knowledge management". *Journal of Brand Management*, 14 (1-2): 82-95.

Lomax, W. dan Mador, M. (2002). "*Corporate re-branding: from normative models to knowledge management*". *Conference Proceedings. Academy of Marketing*.

Majlis Ugama Islam Singapura (2016). *Overview of MUIS*. Retrieved on 15 Disember 2015 from <http://www.muis.gov.sg/About/overview-of-muis.html>

Malaysia (2010). *Perlembagaan Persekutuan..*

Md Nurdin Ngadimon. 2011. Membangunkan aset wakaf menggunakan prinsip musyarakah. *Jurnal Muamalat* 4:31-57

Mohamad Md Yusoff, Kamaliah Siarap, Ramli Mohamed dan Rohana Mijan, 2008, penjenamaan institusi pengajian tinggi: amalan penjenamaan di Universiti Sains Malaysia didalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia* (sebuah penerbitan Universiti Malaya), Vol. 10, No 1 (pp109-134).

Mohd Zain Haji Othman. 1998. *Wakaf Dari Perspektif Undang-Undang Islam, Amalan dan permasalahan di Malaysia*, dalam Ahmad Ibrahim *Undang-*

Undang Keluarga dan Harta Wakaf, Al-Ahkam. Jil.6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Pawel Sobkowicz, (2016). *Agent based model of effects of task allocation strategies in flat organizations*, KEN 94/140,02-777 Warsaw, Poland, Physica A 458, 17-30.

Perpustakaan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor, (2016). *Pengenalan Zakat, Wakaf Dan Baitulmal*. Retrieved on 26 Januari 2016 from <http://perpustakaanwakaf.blogspot.my/2012/07/pengenalan-zakat-wakaf-dan-baitulmal.html>

Ram Al Jaffri Saad, (2009), *Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 17, Bil. 3, h. 607-630.

Samuel C Certo, (1997) *Modern Management – Diversity Quality, Ethics, and the Global Environment*, Prentice Hall Inc

Samuel Merrill, (2015), *Identities in transit : the (re) connections and (re) brandings of Berlin’s municipal railway infrastructure after 1898*, volume 50, pages 76-91.

Shamsiah Abd Karim (2007), *Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore: Challenges & Prospects*, *Singapore International Waqf Conference 2007*, The Fullerton Hotel, Singapura, 6-7 Mac 2007, h.12

Siti Mashitoh Mahamood. 2002. *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan ndag-undang, Universiti Malaya.

Siti Nur Wasimah. S (2015), *Rumah Teres Jana Pendapatan*, Retrieved on 15
 Disember 2015 from
[http://mediapermata.com.bn/index.php/2015/06/rumah-teres-jana-
 pendapatan/](http://mediapermata.com.bn/index.php/2015/06/rumah-teres-jana-pendapatan/)

Stoner, James A.F, and Charles Wankel (1986), *Management*, 3rd ed. Englewood
 Cliffs, New Jersey, Prentice Hall Inc

Walsh, Michael F., Karen L. Page, and Vikas Mittal. (2006). "*Logo Redesign
 and Brand Attitude: The Effect of Brand Commitment*". AACR 2006
 Conference, September, Orlando, Florida.

Weihrich, Heinz. *Management Excellence- Productivity Through PMO*. New
 York: McGraw-Hill Book Company, 1985

Wikipedia (2016). *Organizational Structure*. *Wikimedia Foundation, Inc.*
 Retrieved on 27 April 2016 from [https://en.wikipedia.org/wiki/
 Organizational_structure](https://en.wikipedia.org/wiki/Organizational_structure)

Wikipedia (2013). *Zakat*. *Wikimedia Foundation, Inc.* Retrieved on 27 April
 2016 from <https://ms.wikipedia.org/wiki/Zakat>

Zahri Hamat, Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Baitul Mal Aceh, *International
 Seminar Economic Regional Development, Law and Governance in
 Malaysia and Indonesia* anjuran Universiti Utara Malaysia dan Universiti
 Islam Riau di Pekan Baru, Riau pada 7 - 9 Jun 2010

Zaini Osman, *Pengurusan Wakaf : pengalaman Singapura*. Kertas Kerja dalam
 Seminar Wakaf Serantau. Anjuran JAWHAR dengan kerjasama JAKIM
 & MAIWP, 4-5 September 2012, bertempat di Hotel Sunway Putra
 Kuala Lumpur, hlm. 7-8. (Zaini Osman merupakan Pengarah Eksekutif
 Warees Investments Pte Ltd).